

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
KAJIAN SEMULA SISTEM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FAKIR**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah dikemukakan dengan kertas cadangan mengenai Kajian Semula Sistem Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir. Pihak Jawatankuasa telah diminta untuk mempertimbangkan cadangan mengemaskini sistem agihan zakat asnaf fakir ke arah membebaskan golongan Fuqara' di Negeri Selangor. Perkara ini bersesuaian dengan hasrat menjadikan Selangor sebagai negara maju menjelang tahun 2005.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Fuqara' adalah golongan paling utama untuk diberi bantuan dari wang zakat memandangkan keadaan fizikal mereka yang terlalu lemah dan dhaif.
- 2.2 Beberapa item agihan seperti bantuan pertanian, perniagaan, perusahaan kecil, bantuan nelayan dan bantuan ternakan telah diluluskan dan dilaksanakan semenjak 3 atau 4 tahun yang lalu. Oleh kerana keadaan fizikal golongan Fuqara' yang terlalu dhaif, maka item agihan tersebut tidak berjalan dengan lancar dan tidak mencapai objektif yang diharapkan.
- 2.3 Melihat kepada keadaan ini, maka kertas cadangan disediakan untuk menimbang semula kewujudan beberapa item yang tidak aktif dan menggantikan dengan item yang lebih praktikal dan bertepatan dengan kehendak syara'.

3. **ASAS PERTIMBANGAN PENGGUGURAN ITEM.**

3.1 Item yang dicadang untuk digugurkan:

KOD	ITEM AGIHAN
4201-0400	Agihan bantuan pertanian
4201-0500	Agihan bantuan perniagaan
4201-0900	Agihan perikanan
4201-1000	Agihan penternakan

3.2 Cadangan ini dibuat berasaskan :

3.2.1 Ciri-ciri fizikal fakir sebagaimana yang disebut dalam buku fatwa sistem agihan zakat tahun 1994 seperti tiada pekerjaan atau harta, tua, uzur, sebatang kara, cacat, dan tidak berupaya menyara hidup. Berdasarkan kriteria tersebut, dapatlah difahami bahawa golongan fakir ini terlalu dhaif samaada dari segi fizikal mahupun mental.

3.2.2 Peruntukan yang disediakan kepada item-item di atas jarang digunakan dan tidak mencapai objektif. Lebih bermanfaat sekiranya sekiranya peruntukan tersebut diagihkan kepada item asnaf yang lain.

4. **ASAS PERTIMBANGAN MEWUJUDKAN ITEM BARU**

4.1 Item yang dicadangkan ialah Agihan Hasil Sewa Aset Fakir (AHSAF)

4.1.1 Agihan ini merupakan satu bentuk bantuan terus menerus kepada golongan Fuqara' yang tidak upaya mencari nafkah untuk keluarga dan tidak mempunyai aset dalam kehidupan untuk dilaburkan.

- 4.1.2 PAZ sebagai pemegang amanah agihan harta zakat akan membeli mana-mana rumah kos rendah yang difikir menguntungkan untuk disewakan kepada orang ramai.
- 4.1.3 Hasil sewa yang dikutip akan diaguhkan kepada fakir yang benar-benar layak.
- 4.1.4 Jangkamasa menerima agihan adalah sehingga ada dikalangan ahli keluarga yang mampu mengambil alih tugas ketua keluarga dan berpendapatan lebih dari batas kemiskinan Negeri Selangor.

4.2 Asas pertimbangan cadangan :

- 4.2.1 Golongan Fuqara' ialah satu kumpulan manusia yang tidak mempunyai harta dan tidak mampu berusaha untuk menyara diri dan tanggungannya. Oleh itu, mereka layak mendapat tanggungan seumur hidup sebagaimana mazhab Imam Syafie yang disimpulkan oleh Prof. Dr. Yusof Qardhawi dalam bukunya Fiqh al-Zakat (Jilid 2 mukasurat 528).

“ Menurut mazhab ini bahawa orang miskin itu diberi zakat kerana asalnya miskin. Oleh kerana itu, zakat diberikan untuk menghilangkan sebab kemiskinannya, maka ia harus diberi zakat untuk keperluan hidupnya terus menerus sehingga ia tidak memerlukan zakat lagi pada masa akan datang ”.

- 4.2.2 Imam Syamsuddin al-Ramli menjelaskan dlam Syrah Minhaj Imam Nawawi :

“ Bahawa orang fakir atau miskin bila tidak mempunyai keahlian dalam suatu bidang pekerjaan atau usaha, harus diberi zakat yang dapat mencukupi sampai batas umur seperti ghalibnya orang-orang seperti dia di Negerinya. Sebab maksud daripada zakat ialah untuk memberi kecukupan. Maka tujuan tersebut tidak akan tercapai

kecuali dengan cara sedemikian. Bila lewat batas usia yang ditentukan diberi per tahun.

Yang dimaksudkan dengan memberi zakat kepada orang yang tidak dapat berusaha sampai pada batas usia yang ditentukan bukanlah dengan memberinya wang, tetapi ia diberi sesuatu yang seharga dengan wang misalnya dibelikan rumah untuk disewakan yang dapat diambil hasilnya dan dapat mencukupi.

Hendaklah imam yang membeli barang-barang tersebut bukannya pemilik dan Imam yang menetapkan segala sesuatunya, bukan orang itu ”.

5. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN

Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor dalam persidangannya yang bertarikh 23 Mac 1998 telah membincangkan perkara di atas dan keputusannya adalah seperti berikut :

“ Bahawasanya Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor yang bersidang kali 3/98 telah memutuskan untuk bersetuju dan menerima agar beberapa item agihan bantuan perniagaan, pertanian, perikanan dan penternakan digugurkan dan digantikan dengan item baru dalam Sistem Agihan Hasil Sewa Aset Fakar (ASNAF) ”.